

Pantai Teluk Ketapang santuari penyu

um 10/3/2023 ms. 35

LUMUT: Kerajaan Perak akan mewartakan kawasan Pantai Teluk Ketapang di Pulau Pangkor sebagai santuari penyu dalam usaha memastikan kawasan pantai itu terus kekal menjadi lokasi pendaratan haiwan itu untuk bertelur.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, langkah itu sekali gus memastikan tia- da projek pembangunan khususnya komersial dibangun- kan di kawasan pantai yang terletak antara Pantai Pasir Bogak dan Pantai Teluk Nipah, dua pantai popular dalam kalangan pelancong di Pulau Pangkor.

"Itulah pendekatan kerajaan untuk memastikan pemuli- haraan penyu dijalankan secara serius," katanya pada sidang

akhbar selepas merasmikan Pu- sat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang, Pulau Pangkor semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Putus Konservasi dan Pen- erangan Penyu Teluk Ketapang bernilai RM150,000 di kawasan seluas 7.99 hektar itu mula dibuka kepada orang ramai awal tahun ini.

Difahamkan, Pantai Teluk Ketapang menerima kehadiran antara empat dan lima ekor penyu spesies Agar setiap tahun untuk bertelur.

Menurut Mohammad Nizar, kerajaan Perak juga akan beru- saha memastikan pusat kon- servasi dan penerangan penyu itu menjadi sebahagian lokasi tarikan untuk dikunjungi sem- pena Tahun Melawat Perak ta-

hun depan.

Dalam pada itu, Wan Muham- mad Aznan menjelaskan, popu- lasi penyu di negara ini men- catatkan sebanyak 11,129 ekor berdasarkan jumlah pendaratan yang direkodkan di tujuh neg- eri tahun lalu iaitu Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sem- bilan serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sepanjang tahun lalu, sebanyak 977,905 pengera- man dan 681,077 penetasan telur penyu direkodkan dengan Terengganu mencatatkan ke- hadiran tertinggi haiwan itu iai- tu 9,632 kali pendaratan, Melaka (969), Pahang (368), Perak (61) dan Pulau Pinang (54).

Pada masa sama, sebanyak empat kes pengutipan telur penyu secara haram berjaya dike- san iaitu tiga di Sabah dan satu di Terengganu.



MOHAMMAD Nizar Jamaluddin melepaskan penyu Agar yang dipelihara selepas menetas di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang, Pulau Pangkor, ke laut.